

22/05/2000

Mangsa HIV, Aids digesa bersuara

KUALA LUMPUR, Ahad - Mereka yang dijangkiti HIV/Aids digesa menyuarakan pandangan mereka berhubung isu berkaitan dan tidak hanya berdiam diri.

Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir berkata, ini kerana, sejak kes suri rumah menerima darah dicemari HIV bulan lalu, golongan itu gagal tampil berkongsi pengalaman mengenai penyakit berkenaan.

"Individu yang hidup dengan HIV/Aids sepatutnya bersuara untuk mengetengahkan pandangan mereka kerana isu itu membabitkan mereka.

"Malah, jika tidak berpuas hati cara media mendedahkan identiti suri rumah dan penderma terbabit, anda patut suarakan pandangan," katanya pada forum sempena Hari Memperingati Aids Sedunia di sini, hari ini.

Katanya, di negara barat mereka yang hidup dengan HIV/Aids sudah lama giat menyuarakan pandangan mereka terutama dalam forum rasmi bersama kerajaan.

Sehubungan itu, Marina berkata, tiba masanya golongan itu bersifat telus dalam mengadakan perbincangan dengan pihak bertanggungjawab.

Pada masa sama, katanya, MAM sedia memberi nasihat dan bimbingan kepada mereka yang masih takut untuk berbuat demikian.

Forum tertutup itu bertujuan bagi memperingati rakyat Malaysia yang meninggal dunia disebabkan jangkitan virus itu.

Selain itu, ia juga untuk menghargai perjuangan mereka yang hidup dengan HIV/Aids serta mengakui diskriminasi yang mereka hadapi berikutan penyakit mereka hadapi itu.

(END)